



## **TAWARAN MENYERTAI SKIM SANGKUTAN DAN LATIHAN (SSL) TAHUN 2021 BAGI GRADUAN IJAZAH DAN DIPLOMA**

### **1. BUTIRAN PERMOHONAN**

Permohonan adalah dibuka kepada warganegara Malaysia berasal dari Sabah yang berkelayakan untuk menyertai Skim Sangkutan dan Latihan (SSL) bagi Graduan Ijazah dan Diploma yang belum mendapat pekerjaan. Butiran permohonan adalah seperti yang berikut:

#### **(i) Graduan Ijazah Sarjana Muda**

Penempatan : Pelbagai Kementerian/Jabatan Kerajaan Negeri Sabah  
Elaun : RM1,000.00 sebulan  
Tempoh Latihan : Lapan (8) bulan  
\*Tertakluk kepada prestasi semasa\*

#### **(ii) Graduan Diploma**

Penempatan : Pelbagai Kementerian/ Jabatan Kerajaan Negeri Sabah  
Elaun : RM800.00 sebulan  
Tempoh Latihan : Lapan (8) bulan  
\*Tertakluk kepada prestasi semasa\*

### **2. SYARAT KEMASUKAN**

Pemohon hendaklah memiliki kelayakan seperti yang berikut:

- (a) Warganegara Malaysia (ibu atau bapa berasal dari Sabah);
- (b) Berumur antara 21 tahun – 30 tahun pada tahun 2021;
- (c) Memiliki Ijazah Sarjana Muda atau Diploma yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
- (d) Minimum mendapat **CGPA: 2.50**; dan
- (e) Lulus Sijil Pelajaran Malaysia atau yang setaraf dengannya serta Kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu dan tiga (3) subjek lain (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf dengannya oleh kerajaan.



## **TAWARAN MENYERTAI SKIM SANGKUTAN DAN LATIHAN (SSL) TAHUN 2021 BAGI GRADUAN IJAZAH DAN DIPLOMA**

### **3. CARA MEMOHON**

- 3.1 Permohonan boleh dibuat **mulai 14 Disember 2020 (8 pagi)** melalui laman web [www.jpan.sabah.gov.my](http://www.jpan.sabah.gov.my)
- 3.2 Permohonan yang tidak memenuhi syarat kemasukan yang disyaratkan **akan ditolak**.
- 3.3 Pemohon yang tidak mengisi maklumat dengan jelas dan lengkap dalam semua ruang yang disediakan **tidak akan dipertimbangkan**.
- 3.4 Pemohon-pemohon yang tidak mendapat sebarang jawapan selepas **31 Disember 2020** hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
- 3.5 Pihak Kerajaan Negeri **tidak terikat untuk memberi pekerjaan tetap atau sementara** kepada para peserta Skim selepas menamatkan latihan.
- 3.6 **Tarikh tutup** permohonan adalah pada **18 Disember 2020 (5 petang)**.
- 3.7 Keputusan pemilihan calon SSL adalah **muktamad**.

*Sebarang pertanyaan boleh dibuat melalui telefon di talian 088-368750.*

**Urus Setia  
Skim Sangkutan dan Latihan  
Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri**

**14 Disember 2020**